

copy

TERESA KOK SUH SIM
PUSAT KHIDMAT AHLI PARLIMEN SEPUTEH
NO. 28-3A, SRI DESA ENTREPRENEURS PARK
JALAN 1/116B, OFF JALAN KUCHAI LAMA,
58200 KUALA LUMPUR.



Kepada:

Bertarikh: 3.11.2022

YBHG. TAN SRI ABDUL GHANI BIN SALLEH
Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia
Menara SPR,
No. 2, Jalan P2T, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya.



Serahan tangan

"TANPA PREJUDIS"

Ybhg. Tan Sri,

PER: DALAM MAHKAMAH TINGGI DI SHAH ALAM
NO. KEBANKRAPAN: BA-29NCC-2116-08/2022

TERESA KOK SUH SIM

...PEMIUTANG PENGHAKIMAN

-LWN-

JAMAL BIN MD YUNOS

...PENGHUTANG PENGHAKIMAN

[BANTAHAN TERHADAP PENAMAAN CALON UNTUK BERTANDING DALAM PRU-15]

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Adalah dengan sukacitanya dimaklumkan kepada Ybhg. Tan Sri bahawa saya baru sahaja membaca artikel Sinar Harian bertajuk "Senarai calon BN bagi PRU15 diumumkan" bertarikh 1.11.2022 dan mendapati bahawa parti Barisan Nasional telah mengumumkan YB Dato' Seri Jamal sebagai calon yang akan bertanding di P.093 Parlimen Sg Besar dalam Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) yang akan datang.

Saya menerima baik berita tersebut akan tetapi, untuk makluman Ybhg. Tan Sri, saya telahpun memulakan prosiding kebangkrapan di atas pada 30.08.2022 terhadap YB Dato' Seri Jamal Bin MD Yunos berdasarkan kepada Penghakiman bertarikh 26.07.2022 yang saya perolehi di bawah Guaman no. WA-23CY-15-04/2017 di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

Sesalinan Notis Kebankrapan bertarikh 30.08.2022 dan Penghakiman bertarikh 26.07.2022 adalah dilampirkan di sini untuk rujukan Ybhg. Tan Sri.

Untuk makluman Ybhg. Tan Sri, Yb Dato' Seri Jamal masih belum menyelesaikan Penghakiman tersebut dan prosiding kebangkrapan saya terhadap beliau masih sedang berlangsung.


Lanjutan daripada perkara di atas, saya sesungguhnya percaya bahawa Yb Dato' Seri Jamal bukanlah sorang individu yang sesuai untuk dinamakan sebagai seorang calon untuk bertanding dalam PRU-15 kerana terdapat kemungkinan beliau akan dihukum bankrap daripada prosiding kebangkrapan tersebut.

Oleh itu, saya membantah kepada penamaan Yb Dato' Seri Jamal sebagai seorang calon untuk bertanding dalam PRU-15 dan menggesa agar apa-apa penamaan sedemikian untuk ditolak oleh pihak Ybhg Tan Sri.

Segala kerjasama pihak Ybhg Tan Sri dalam memastikan dan mendukung ketelusan dan kelangsungan proses PRU-15 adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



TERESA KOK SUH SIM

640331-10-7482

3.11.2022

sk. **Pejabat Pilihan Raya Negeri Selangor**
Lot G8-G13, IDCC Shah Alam,
Jalan Pahat L 15/L, Seksyen 15,
40690 Shah Alam, Selangor.

Serahan tangan